

DUTI SETEM



PENGENALAN

- Duti setem ialah cukai yang dikenakan atas dokumen / surat cara yang mempunyai kesan perundangan, komersil atau kewangan seperti di bawah Jadual Pertama, Akta Setem 1949

KEPENTINGAN DUTI SETEM

- Dokumen / surat cara hendaklah disetamkan dengan sempurna supaya ia boleh diterima sebagai bukti di mahkamah

TEMPOH MASA PENYETEMAN

- Dalam tempoh 30 hari dari tarikh ianya disempurnakan dalam Malaysia
- Dalam tempoh 30 hari selepas ianya pertama kali diterima dalam Malaysia sekiranya ia disempurnakan di luar Malaysia

JENIS DUTI

DUTI TETAP	DUTI AD VALOREM
1. Duti dikenakan tanpa ada kaitan dengan balasan atau amaun yang dinyatakan dalam surat cara 2. Contoh surat cara : - Surat kuasa wakil, perkara-perkara persatuan bagi syarikat, nota janji hutang, polisi insurans, surat cara pendua dan sebagainya	1. Duti dikenakan berdasarkan balasan dinyatakan dalam dokumen / surat cara atau nilai pasaran 2. Contoh surat cara : - Surat cara pindah milik harta tanah, saham, perniagaan, perjanjian sewa, perjanjian pinjaman dan sebagainya

ADJUDIKASI DOKUMEN / SURAT CARA

- Permohonan adjudikasi dokumen / surat cara perlu dikemukakan ke Pejabat Setem bagi menentukan amaun duti yang dikenakan

KAEDAH PENYETEMAN

- Setem Tertera (mesin frangki / frangki digital)
- Setem Pelekat - Setem Hasil (dijual di Pejabat Pos)
- Resit Rasmi - Kew. 38
- Resit / Sijil Setem (dijana oleh STAMPS)

PEMBAYARAN DUTI SETEM

- Pejabat Setem Cawangan LHDNM
- Pusat Khidmat Hasil
- Pusat Transformasi Bandar (UTC)

CARA BAYARAN

- Wang tunai
- Setem Hasil (jika duti atas sesuatu dokumen tidak melebihi RM500)
- Kiriman wang, wang pos, cek akaun anak guam atau bank deraf atas nama Pemungut Duti Setem

PENALTI

- RM 25.00 atau 5% dari duti yang berkurangan, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetamkan dalam tempoh 3 bulan selepas tempoh penysetaman
- RM 50.00 atau 10% dari duti yang berkurangan, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetamkan selepas 3 bulan tetapi tidak lewat daripada 6 bulan selepas tempoh penysetaman
- RM 100.00 atau 20% dari duti yang berkurangan, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetamkan selepas 6 bulan selepas tempoh penysetaman

DUTI SETEM

MAKLUMAT LANJUT

Layari : www.hasil.gov.my



AWAS ! ELAKKAN SETEM HASIL PALSU



www.hasil.gov.my

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA